

## SOALAN-SOALAN LISAN

### PERSIDANGAN KEDUA MESYUARAT KETIGA TAHUN PERTAMA DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS PERAK DARUL RIDZUAN PADA HARI SELASA, 23 MEI 2023

---

1. **YB ENCIK MUHAMMAD ZULFADLI BIN ZAINAL ( SLIM )**

Adakah kerajaan meletakkan KPI untuk mendirikan Maahad Tahfiz Darul Ridzuan di bawah Kerajaan Negeri di setiap Daerah?

1. Adakah kerajaan negeri berhasrat membina Mahaad Tahfiz di Dun Slim?
2. Bagaimana prosuder pembinaan Maahad Tahfiz negeri?

2. **YB CIK WONG CHAI YI ( SIMPANG PULAI )**

5G dan Digitalisasi Perniagaan

- a. Bagaimana kerajaan negeri dapat membantu kerajaan Persekutuan menyegerakan perluasan 5G ke seluruh negeri supaya setanding dengan negeri-negeri lain.
- b. Berapa peratus sasaran kerajaan negeri bagi liputan 5G sehingga akhir 2023?
- c. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menggalakkan dan membantu pengusaha perniagaan untuk mengaplikasikan teknologi digital dalam perniagaan masing-masing?

3. **YB TUAN SYED LUKMAN HAKIM BIN SYED MOHD ZIN ( CHENDEROH )**

Pada Pilihanraya Umum ke-15 yang lalu, seluruh negara dan juga Negeri Perak telah menyaksikan peningkatan jumlah anak muda yang dicalonkan. Ini bermakna, dari tahun ke tahun, lebih banyak kumpulan anak muda yang akan memimpin masyarakat.

- i. Apakah langkah serta inisiatif diambil oleh pihak Kerajaan Negeri Perak untuk menyediakan kumpulan anak muda khususnya di Negeri Perak dalam aspek kepimpinan selain daripada pelaksanaan program Dewan Belia Negeri Perak?
- ii. Adakah pihak Kerajaan Negeri Perak bercadang untuk memperkasa pengetahuan dan kemahiran anak muda Negeri Perak dalam aspek kepimpinan, demokrasi, urustadbir serta pengetahuan am politik?
- iii. Apakah agensi atau jabatan yang kini bertanggungjawab untuk program pembangunan ini?

4. **YB DATO' ZAINOL FADZI BIN PAHARUDIN ( SUNGAI MANIK )**

Apakah status projek membina dan menyiapkan 40 unit gerai setingkat dan kerja-kerja berkaitan di Pekan Langkap yang telah di luluskan bajet oleh Kementerian sebelum PRU yang lalu?

5. **YB PUAN NORHASLINDA BINTI ZAKARIA ( PANGKOR )**

Isu kecuaiian, pengabaian dan penderaan bayi dan kanak-kanak oleh pengasuh, taman asuhan kanak-kanak (taska) dan pusat jagaan sering kali berlaku bagaikan tiada berkesudahan.

Apakah peranan kerajaan negeri dalam memastikan setiap pusat asuhan kanak-kanak mematuhi peraturan ditetapkan?

Juga nyatakan jumlah pusat asuhan kanak-kanak yang berlesen di Perak mengikut pihak berkuasa tempatan.

6. **YB ENCIK MOHD HAFEZ BIN SABRI ( MANJOI )**

MOHD HAFEZ SABRI (Manjoi) minta Kerajaan Negeri menyatakan secara terperinci peluang pekerjaan di bawah pelan Perak Sejahtera 2030 berkenaan pengumuman Kerajaan Negeri bahawa Pelan Perak Sejahtera 2030 akan mewujudkan 51,000 peluang pekerjaan dalam tempoh 10 tahun, dengan purata kira-kira 5,100 pekerjaan setahun.

- (a) Apakah pecahan jenis pekerjaan yang disasarkan berdasarkan pekerja bukan kamahiran, separa mahir dan mahir?
- (b) Dengan hala tuju Kerajaan Persekutuan yang lebih selektif ke atas pelaburan-pelaburan luar yang memasuki Negara, adakah Kerajaan Negeri mampu mengatasi masalah brain drain apabila pekerja mahir dan separa mahir dilihat lebih tertarik dengan pendapatan yang lebih tinggi di Negara dan negeri jiran seperti Singapura, Selangor, Pulau Pinang dan Johor?

7. **YB ENCIK ZAFARULAZHAN BIN ZAN ( KAMPONG GAJAH )**

Masalah tekanan air bersih yang rendah di dalam kawasan DUN Kampong Gajah terutamanya di Hujung Rintis, Sungai Kerang, Sungai Timah, Kampung Setia dan di kawasan kampung perumahan. Apakah tindakan pihak kerajaan dalam menangani masalah ini, lebih-lebih lagi pada cuti peristiwa seperti Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha sehinggakan bekalan air terputus di kebanyakan kawasan tersebut?

8. **YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN YAHYA ( RUNGKUP )**

Apakah langkah2 yg telah & sedang di ambil utk menjadikan bagan datuk sbg jendela kelapa dunia seperti di dalam visi perak sejahtera 2030 ?

**9. YB ENCIK ONG SENG GUAN ( POKOK ASSAM )**

Melalui Pelan Pembangunan Perak Sejahtera 2030, negeri Perak akan dibangunkan sebagai negeri perindustrian dan juga akan mewujudkan 50 ribu peluang pekerjaan.

- 1) Adakah kawasan perindustrian di Kamunting Raya masih dapat menjadi daya tarikan pelabur asing dan memberikan manfaat kepada warga Taiping?
- 2) Berapakah jumlah pelaburan yang berjaya dibawa masuk ke bandar Taiping sejak tahun 2022 sehingga kini?
- 3) Selain kawasan perindustrian Kamunting Raya, adakah kerajaan negeri akan mengusahakan tempat lain yang berhampiran untuk dijadikan tempat perindustrian yang baru?

**10. YB DR HASHIM BIN BUJANG ( BUKIT CHANDAN )**

Keadaan lalulintas di Bandaraya Ipoh telah mula sesak disebabkan pertambahan jumlah kenderaan yang banyak di jangka dalam masa 10 tahun yang akan datang kesesakan jalan raya ini akan lebih teruk lagi. Apakah perancangan masa depan Kerajaan negeri Perak untuk mengurangkan kesesakan lalulintas ini?

**11. YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN YAHYA ( RUNGKUP )**

Jambatan bagan datuk - kg sejagop hampir siap. Adakah kerajaan negeri bercadang membangunkan kawasan di kiri & kanan jambatan tersebut ?

**12. YB ENCIK RAHIM BIN ISMAIL ( CHANGKAT JERING )**

Apakah ada perancangan untuk ubahsuai Klinik Kesihatan Changkat Jering yang bangunannya tidak sesuai lagi (di bina sejak Oktober 1965) berbanding dengan kepesatan penduduk sekitar?

**13. YB TUAN HAJI RAZMAN BIN ZAKARIA ( GUNONG SEMANGGOL )**

Ahli Majlis Bandaraya/Daerah di negeri Perak

1. Minta kerajaan nyatakan perbandingan tahunan dalam tempoh 5 Tahun bagi komposisi ahli majlis bandaraya/daerah mengikut kaum.
2. Apakah kriteria pemilihan ahli majlis tersebut dan kayu ukur penentuan jumlah ahli majlis?

**14. YB ENCIK AZMAN BIN NOH ( PENGKALAN BAHARU )**

Apakah status tanah kawasan Pantai Kota Kulit Kerang di Mukim Pengkalan Baharu? Tempat ini sudah berjaya menarik pengunjung setiap hari, saya berharap ianya dapat dimajukan segera. Masalahnya status tanah masih diatas nama Jabatan Perhutanan.

**15. YB ENCIK AHMAD BIN MAN ( KUALA SEPETANG )**

Apakah ada sebarang solusi dari pihak kerajaan negeri untuk menyelesaikan dan mengatasi masalah banjir dihadapi penduduk setiap kali hujan lebat di kawasan dun Kuala Sepetang

**16. YB ENCIK ONG BOON PIOW ( BERCHAM )**

Soal pencemaran di kawasan Bercham di mana penduduk-penduduk adjust kilang sarung tangan Rubberrex dan KLK ,mengadu persekitaran rumah mereka dibelenggu masalah bau busuk dan habuk sebab atas sebab kilang-kilang yang disebut sering membebaskan gas pada waktu malam atau awal pagi

- a. Apakah langkah-langkah telah diambil oleh agensi kerajaan bagi mengatasi masalah ini?
- b. Adakah penguatkuasa atau kerja pemantauan keadaan pencemaran akan dijalankan pada luar waktu kerja seperti malam atau cuti hujung minggu?
- c. Disebabkan perkara ini sering berulang, apakah langkah pencegahan akan dibuat bagi mengekang perkara ini terus berlaku?

**17. YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN ( BEHRANG )**

Apakah jenis bantuan yang diberikan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pendapatan usahawan kecil dan sederhana tanpa mengira bidang dan apakah inisiatif baharu untuk membantu golongan usahawan dan peniaga kecil meningkatkan taraf hidup mereka?

**18. YB ENCIK MUHAMMAD HAKIMI HAMZI BIN MOHD HAYAT ( TITI SERONG )**

Adakah kerajaan negeri melalui Jabatan Pengairan Saliran bercadang untuk menambah jumlah pengelenggaraan pengairan sawah padi daripada dua kali setahun ke empat kali setahun?

**19. YB ENCIK KHALIL BIN YAHAYA ( KUBU GAJAH )**

Kubu Gajah mempunyai beberapa tempat yang menarik untuk dikunjungi, misalnya keindahan air terjun di beberapa buah tempat antaranya Lata Puteh, Lata Air Hitam, Lata Buluh juga Sungai Atas Sungai, Telaga Gergasi dan beberapa tempat yang lain. Industri pelancongan seharusnya dipromosikan dengan teknik pemasaran yang unggul, jadi apakah inisiatif pihak kerajaan supaya tempat-tempat ini lebih dikenali ?

a) Apakah tindakan atau pantuan kerajaan terhadap individu yang membina chalet, kedai makan dan gerai jualan di kawasan Lata yang boleh mendorong berlakunya kemalangan yang tidak diingini ?

b) Adakah pihak kerajaan khususnya Exco Pelancongan bercadang untuk menaik taraf tempat seperti yg dinyatakan di atas ?

**20. YB KAPT(B) DATO' MOHD NAJMUDDIN BIN ELIAS ( BATU KURAU )**

Apakah tindakan terbaik mencegah banjir di Ulu Sepetang?

**21. YB DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMAHRI ( KUALA KURAU )**

Apakah kerajaan negeri telah ada perancangan untuk membina sebuah dewan terbuka yang menjadi keperluan penduduk di PPR Amanjaya Parit Hj Wahab Tanjung Piandang memandangkan terdapat hampir 100 buah rumah di PPR tersebut?

**22. YB DR HASHIM BUJANG ( BUKIT CHANDAN )**

Untuk menarik minat perlaburan asing datang ke negeri Perak , lapangan terbang yang canggih sangat di perlukan. Apa kah perancangan kerajaan negeri perak untuk menaik tarafkan Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah sebagai sebuah lapangan terbang bertaraf antarabangsa sesuai keperluan masa kini. Saya cadangkan kerajaan membuat pengambilan tanah dan memberi pampasan kepada penduduk yang tinggal disekitar kawasan lapangan terbang dalam usaha untuk menaiktarafkan dan memanjangkan lagi track lapangan terbang Sultan Azlan Shah

**23. YB ENCIK ZAFARULAZHAN BIN ZAN ( KAMPONG GAJAH )**

Banjir yang berulang-ulang kerap terjadi di Teluk Memali. Apabila berlakunya hujan lebat air akan naik, penyelesaian buat masa kini adalah menggunakan pam air, air disedut dan dialirkan ke aliran air yang terdekat. Masalah ini kerap berlaku dan berpanjangan, banjir tetap berlaku dan penyelesaiannya adalah mengepam air banjir tersebut. Jadi apakah tindakan kerajaan dalam membantu masalah rakyat ini?

**24. YB ENCIK SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH ( SELINSING )**

Adakah kerajaan negeri Perak menyedari bahawa pesawah di daerah Kerian menanggung kerugian yang banyak akibat tidak dapat menuai hasil padi pada musim yang baru lalu :-

- a. Mohon diberikan data jumlah kerugian yang terpaksa para pesawah tanggung.
- b. Apakah perancangan kerajaan bagi menyelesaikan masalah tanah jerlus yang menyebabkan mesin menuai padi gagal untuk menuai hasil padi.
- c. Jelaskan bantuan yang disalurkan kerajaan bagi meringankan beban kewangan para pesawah yang kerugian ini

**25. YB ENCIK CHEAH POU HIAN ( JELAPANG )**

Sejak beberapa tahun lalu, penyakit demam denggi yang disebabkan oleh nyamuk aedes semakin meningkat.

Saya yakin, Jabatan Kesihatan telah berusaha sedaya upaya bagi mengatasi penyakit ini dengan sentiasa menjalankan operasi di lokasi hotspot khususnya rumah kediaman.

a) Namun, adakah pihak yang bertanggungjawab terlepas pandang untuk menjalankan operasi di longkang yang tersumbat dan bertakung di kawasan kediaman?.

b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang akta untuk mengkompaun PBT & kontraktor yang gagal mengatasi masalah ini?

**26. ENCIK SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH ( SELINSING )**

Mohon penjelasan bagi perkara berkaitan Wang Perkapita SABK Negeri Perak

A. Jelaskan perancangan kerajaan negeri Perak berkaitan bantuan Wang Perkapita SABK Negeri Perak.

B. Senaraikan jumlah wang perkapita tersebut mengikut sekolah penerima bagi lima tahun ke belakang.

C. Jelaskan secara terperinci kegunaan wang ini

**27. YB ENCIK ISHSAM BIN SHAHRUDDIN ( AYER KUNING )**

Masalah berkaitan pencemaran bau dan udara yang kurang menyenangkan daripada kawasan ternakan khinzir sehingga menimbulkan situasi kurang selesa di Masjid Abu Hurairah, Bidor semasa Majlis Berbuka Puasa Bersama Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak. Pencemaran Bau dan udara yang kurang menyenangkan tersebut juga mengganggu kehidupan masyarakat berhampiran kawasan ternakan terutamanya pada waktu lewat petang.

a) Apakah rancangan kerajaan serta jabatan berkaitan untuk menangani masalah bau yang berpunca daripada kawasan ternakan khinzir tersebut?

b) Adakah Kerajaan serta pihak berwajib mempunyai rancangan untuk menggunakan teknologi bagi menangani masalah ini?

c) Adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan kawasan berpusat khusus bagi penternak khinzir dalam negeri perak bagi mengelak kan masalah yang sama dialami oleh penduduk kawasan lain?

**28. YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG ( ASTAKA )**

YB Jason Ng Thien Yeong (ASTAKA) minta Menteri Besar untuk menerangkan apakah cara penyelesaian kepada masalah banyak lampu jalan dan lampu isyarat dalam DUN Astaka yang telah rosak selama dua tahun terutamanya di Jalan Persekutuan dan telah menjejaskan keselamatan pengguna jalan raya?

**29. YB ENCIK ISHSAM BIN SHAHRUDDIN ( AYER KUNING )**

Berkenaan dengan Enakmen Mineral Pajakan Melombong yang terhad kepada hanya aktiviti melombong sahaja. Penggubalan enakmen mineral pajakan melombong untuk aktiviti lain akan memberi ruang kepada penggunaan tanah secara sepenuhnya.

a) Bolehkah Kerajaan menggubal enakmen mineral pajakan melombong yang membolehkan untuk aktiviti-aktiviti pertanian dan ternakan dibenarkan?

b) Apakah solusi Kerajaan untuk memudahkan kelulusan aktiviti-aktiviti perlombongan di negeri Perak sebagai salah satu usaha bagi menarik pelabur?